

BAB 6 : WANG DAN INSTITUSI KEWANGAN**SPM2004/A/S4(a)** – 5 markah

- **Diterima umum** oleh orang ramai dalam urusan pembelian barangan dan perkhidmatan.
- **Penawaran terhad** untuk menjamin kestabilan nilai.
- **Tahan lama** iaitu bahan yang dijadikan wang tidak mudah rosak.
- **Mudah dibawa** iaitu wang adalah ringan dan bersaiz kecil dan mudah dibawa dari satu tempat ke tempat lain.
- **Boleh dibahagikan kepada unit yang lebih kecil** untuk memudahkan urus niaga.

SPM2005/A/S4(b) – 4 markah

- Sebagai **unit ukuran nilai** iaitu wang menilai sesuatu barang dalam bentuk harga. Dalam iklan tersebut harga tunai komputer itu ialah RM2 800. Harga komputer itu dinyatakan dalam bentuk Ringgit Malaysia dan sen.
- Sebagai **bayaran tertunda** di mana ia membolehkan sesuatu bayaran dilakukan secara ansuran. Pembeli boleh membeli sesuatu barang pada masa sekarang dan membayarnya pada masa akan datang. Dalam iklan tersebut, pembeli boleh membeli komputer tersebut dengan bayaran ansuran RM25 seminggu.

SPM2005/A/S4(c) – 12 markah**Rizab Tunai**

- Rizab tunai merupakan wang tunai yang disimpan oleh bank perdagangan berdasarkan jumlah deposit yang diterima oleh pelanggan.
- Bagi mengawal inflasi, Bank Pusat akan mengarahkan bank perdagangan menaikkan kadar rizab tunai.
- Apabila kadar rizab tunai dinaikkan, jumlah pinjaman yang boleh diberi oleh bank perdagangan kepada pelanggan akan berkurangan.
- Seterusnya ia akan mengurangkan penawaran wang dalam pasaran dan permintaan pasaran jatuh dan inflasi dapat dikawal.

Rizab Berkanun

- Rizab berkanun ialah simpanan wajib bank perdagangan di Bank Pusat berdasarkan jumlah deposit di sesebuah bank perdagangan.
- Bagi mengawal inflasi, Bank Pusat akan menaikkan kadar rizab berkanun untuk mengurangkan penawaran wang dalam pasaran.
- Seterusnya, ia akan mengurangkan permintaan pasaran dan mengakibatkan harga jatuh dan inflasi dapat dikawal.

Kadar Faedah Pinjaman

- Bank Pusat akan menaikkan kadar faedah pinjaman untuk mengurangkan pinjaman dan penawaran wang jatuh, maka inflasi dapat dikawal.

Surat Jaminan Kerajaan

- Bank Pusat akan menjual surat jaminan kerajaan kepada institusi kewangan dan orang ramai untuk mengurangkan penawaran wang dalam pasaran dan ini akan mengawal inflasi.

Syarat Sewa Beli

- Bank Pusat akan mengetatkan syarat sewa beli dengan menaikkan kadar faedah dan mengurangkan pinjaman maksimum dan tempoh bayaran balik untuk mengurangkan permintaan pasaran.

SPM2006/A/S3(b) – 12 markah**Menurunkan Kadar Rizab Tunai**

- Kemampuan bank memberi pinjaman kepada masyarakat akan meningkat
- Jumlah pinjaman akan meningkat dan kesannya, penawaran wang dalam pasaran juga meningkat
- Seterusnya permintaan barang dan perkhidmatan juga meningkat.

Menurunkan Kadar Rizab Berkanun

- Kemampuan bank memberi pinjaman kepada masyarakat akan meningkat
- Jumlah pinjaman akan meningkat dan kesannya, penawaran wang dalam pasaran juga meningkat
- Seterusnya, permintaan barang dan perkhidmatan juga meningkat.

Membeli Surat Jaminan Kerajaan /Bil Perbendaharaan

- Jumlah wang dalam pasaran akan meningkat dan
- kuasa beli pengguna akan meningkat.
- Kesannya, permintaan barang dan perkhidmatan akan meningkat

Melonggarkan Syarat Sewa Beli

- Kemampuan masyarakat untuk mendapatkan pinjaman sewa beli meningkat.
- Penawaran wang dalam pasaran bertambah
- Kesannya, permintaan untuk barang dan perkhidmatan akan meningkat.

SPM2006/A/S3(c) – 4 markah

- Kemudahan overdraf yang disediakan oleh bank perdagangan merupakan pinjaman jangka pendek
- Kemudahan overdraf diberikan kepada pemegang akaun semasa sahaja.
- Kemudahan ini membolehkan seorang pelanggan bank mengeluarkan wang melebihi jumlah deposit yang ada dalam akaun semasanya di bank berkenaan.
- Boleh mengeluarkan wang dengan menggunakan cek/kad juruwang (ATM)

SPM2006/A/S4(a) – 9 markah**Deposit Tabungan/Akaun Simpanan**

- Simpanan ini boleh dikeluarkan pada bila-bila masa
- Pemegang deposit diberi Buku Akaun Simpanan
- Deposit akaun simpanan akan dibayar faedah yang lebih rendah dari pemegang akaun simpanan tetap

Deposit Semasa /Akaun Semasa

- Pelanggan yang mempunyai deposit semasa diberikan buku cek
- Pelanggan boleh membuat pembayaran dengan menggunakan cek.
- Deposit dalam akaun semasa tidak dibayar faedah tetapi dikenakan caj perkhidmatan oleh bank
- Pemegang deposit semasa boleh memohon kemudahan overdraf

Deposit Tetap / Akaun Simpanan Tetap

- Pendeposit boleh menyimpan dalam akaun simpanan tetap dalam satu tempoh tertentu seperti 3,6,9,12,15 bulan
- Kadar faedah diberikan mengikut tempoh matang simpanan.
- Kadar faedah diberikan lebih tinggi berbanding akaun simpanan.

SPM2007/A/S4(a) – 8 markah

(i) Pertukaran barang antara Abu dan Sulaiman tidak berlaku kerana menghadapi dua masalah:

Masalah Kehendak Serentak

- Abu dan Sulaiman menghadapi masalah kehendak serentak. Abu ingin menukar ayam dengan beras tetapi Sulaiman ingin menukar berasnya dengan pakaian.

Masalah Tiada Ukuran Nilai

- Sukar menentukan nilai suatu barang dengan barang yang lain kerana tiada unit yang seragam untuk menentukan nilai barang
- Sulaiman berpendapat ayam Abu kecil dan sukar menentukan nilainya untuk ditukarkan dengan beras miliknya.

(ii) Masalah tersebut diselesaikan melalui fungsi wang sebagai

Alat Perantaraan Pertukaran

- Sistem wang boleh menyelesaikan masalah kehendak serentak
- Sistem wang membolehkan Abu dan Sulaiman mendapat beras dan pakaian yang mereka ingini dengan menggunakan wang.

Unit Ukuran Nilai

- Wang memberi ukuran seragam bagi nilai barang dalam sebutan harga.
- Contohnya, seekor ayam berharga RM9.00 dan sehelai baju berharga RM25.00

SPM2007/A/S4(b) – 4 markah**Meningkatkan Pelaburan**

- Pelaburan menyebabkan perbelanjaan masyarakat meningkat dan ini mengarahkan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Menggembelng dan Menggerakkan Tabungan/Dana

- Tabungan/dana digunakan untuk membiayai projek pembangunan yang dijalankan individu, swasta atau kerajaan.

Meningkatkan Guna Tenaga

- Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk.
- Institusi kewangan bukan bank juga menyerap tenaga buruh menerusi projek pelaburan yang dilakukan

Mengurangkan Pinjaman Luar Negara

- Menyebabkan kerajaan tidak perlu bergantung kepada hutang luar negara.
- Ini akan mengurangkan pengaliran mata wang ke luar negara dan seterusnya menjamin kestabilan nilai mata wang.

SPM2008/A/S4(a) – 9 markah**Duit Syiling**

- Wang yang diperbuat daripada nikel dan gangsa
- Duit syiling Malaysia mempunyai nilai muka yang kecil seperti 5 sen, 10 sen, 20 sen, dan 50 sen
- Duit syiling digunakan untuk melakukan pertukaran secara kecil-kecilan
- Duit syiling merupakan wang tanda iaitu nilai logamnya adalah kurang daripada nilai muka.

Duit Kertas

- Mempunyai nilai muka yang lebih besar daripada duit syiling
- Wang kertas Malaysia mempunyai nilai muka RM1, RM5, RM10, RM50 dan RM100
- Wang kertas yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia adalah disandarkan kepada rizab emas dan pertukaran asing.
- Semua wang kertas adalah wang sah yang diperakui oleh undang-undang dalam sesebuah negara sebagai alat perantaraan pertukaran dan pembayaran hutang.

Deposit Semasa

- Merupakan wang yang diciptakan oleh sistem bank
- Deposit semasa dianggap sebagai wang kerana deposit ini membolehkan seseorang membuat pembayaran dengan menggunakan cek.
- Apabila cek itu dikemukakan kepada bank, cek tersebut akan dibayar tunai oleh pihak bank
- Bekalan wang dalam bentuk deposit semasa adalah lebih banyak daripada wang kertas dan wang syiling.

SPM2008/A/S4(b) – 5 markah

- (i) Gambar 4 – urus niaga sistem wang
Gambar 5 – urus niaga sistem barter
- (ii) Kebaikan sistem wang berbanding sistem barter:

Aspek	Sistem Wang
Perantaraan pertukaran	Tidak memerlukan dua kehendak serentak. Urus niaga dapat dijalankan dengan mudah.
Ukuran nilai	Senang diukur kerana mempunyai ukuran yang seragam, iaitu dalam sebutan harga. Contohnya, sehelai baju berharga RM15.00
Penyimpanan nilai	Wang bersifat tahan lama dan mempunyai nilai yang stabil, tidak mudah rosak. Ia merupakan alat penyimpanan nilai yang baik.
Bayaran tertunda	Boleh digunakan untuk membeli barangan pada masa sekarang dan membayar pada masa hadapan. Boleh dilakukan kerana nilai wang stabil.

SPM2008/A/S4(b) – 5 markah(i) **Rizab Tunai**

- Sejumlah tunai yang disimpan di bank perdagangan yang digunakan untuk memenuhi permintaan pelanggan.

Rizab Berkanun

- Sejumlah tunai yang disimpan di bank pusat sebagai simpanan wajib bank perdagangan dan digunakan untuk menyalurkan hutang/cek antara bank.

(ii) Kesan perubahan kadar rizab tersebut kepada bank perdagangan:

- Kemampuan bank perdagangan memberi pinjaman meningkat
- Jumlah pinjaman meningkat
- Keuntungan bank meningkat
- Pelaburan bank meningkat

SPM2008/A/S4(c) – 6 markah**Persamaan BSN dengan KWSP**

- Institusi kewangan bukan bank
- Sumber kewangan kepada pasaran modal
- Sumber pinjaman dalam negeri/membeli surat jaminan kerajaan/sekuriti kerajaan/bil perbendaharaan
- Menggerakkan tabungan/melaksanakan pelbagai projek pelaburan

Perbezaan BSN dengan KSWP

BSN	KWSP
Menggalakkan tabungan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana	Simpanan pekerja untuk menjamin masa tua.
Menyediakan kemudahan pinjaman kepada orang ramai	Tidak menyediakan kemudahan pinjaman kepada orang ramai
Menerima deposit tabungan/tetap daripada orang ramai	Menerima caruman daripada pekerja dan majikan
Pengeluaran wang lebih mudah/bila-bila masa dengan menggunakan mesin ATM	Pengeluaran wang dengan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan.